

SERTU DALAM INDUSTRI HALAL DI MALAYSIA: CABARAN DAN SOLUSI

SERTU IN THE HALAL INDUSTRY IN MALAYSIA: CHALLENGES AND SOLUTIONS

Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari*

Focus Group of Islamic Civilization and Culture (Ic2), Jabatan Pengajian Islam,
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
dan; Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn,
86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Ummi Anis Mohd Yusof

Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Nor Azwa Omar Jamli

Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Mohamad Azri Husin

Sertwo International Sdn. Bhd.,
Wisma JEMZ Group, No. 7-1, Jalan Danau Lumayan,
Danau Lumayan Business Park,
56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia.

**Corresponding Author's Email: mardhiah@uthm.edu.my*

Article History:

Received : 19 March 2025

Accepted : 10 April 2025

Published : 26 June 2025

© Penerbit Universiti Islam Melaka

To cite this article:

Wan Zahari, W. A. M., Mohd Yusof, U. A., Omar Jamli, N. A. & Husin, M. A. (2025). Sertu dalam Industri Halal di Malaysia: Cabaran dan Solusi. *Jurnal 'Ulwan*, 10(1), 47-59.

ABSTRAK

Sertu dalam Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020 merupakan salah satu sub-komponen yang perlu diwujudkan dalam Sistem Jaminan Halal (HAS) bagi syarikat yang memohon persijilan halal Malaysia. Justeru itu, pengamal industri dalam setiap skim persijilan halal Malaysia akan merujuk kepada garis panduan sertu yang telah diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

sebagai panduan bagi melaksanakan proses sertu dalam industri. Namun, terdapat kelompondan yang menjadi persoalan bagi pihak industri dalam melaksanakan proses sertu jika berlaku percampuran dengan najis mughallazah. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu-isu yang timbul dalam industri halal di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen dan temu bual semi-struktur ke atas responden yang terdiri daripada wakil industri dan pegawai daripada Jabatan Agama Islam Negeri. Hasil kajian dirumuskan kepada lapan kategori isu. Kajian ini turut mencadangkan solusi yang dapat dijadikan sebagai rujukan oleh pihak berkuasa berwajib agar tindakan seterusnya dapat dilaksanakan bagi memudahkan pihak perkhidmatan sertu dan masyarakat umum untuk mengamalkan proses sertu.

Kata kunci: sertu, industri halal, cabaran

ABSTRACT

Sertu in the Malaysian Halal Management System (MHMS) 2020 is one of the sub-components that must be established within the Halal Assurance System (HAS) for companies applying for Malaysian halal certification. Therefore, industry practitioners in each Malaysian halal certification scheme will refer to the sertu guidelines issued by the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) as a guide for implementing the sertu process in the industry. However, there are gaps that raise questions within the industry regarding the implementation of the sertu process when mixed with najis mughallazah (severe impurities). This article aims to analyze issues arising within Malaysia's halal industry. This study uses a qualitative method by collecting data through document analysis and semi-structured interviews with respondents consisting of industry representatives and officials from the State Islamic Religious Department. The study's findings are categorized into eight issue areas. This study also proposes solutions as references for the relevant authorities so that further actions can be taken to facilitate the sertu services and enable the general public to practice the sertu process.

Keywords: sertu, halal industry, challenges

1.0 PENGENALAN

Kebersihan merupakan perkara asas yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan seorang muslim kerana sebelum melaksanakan ibadah wajib seperti solat seseorang itu hendaklah memastikan dirinya bersih daripada segala hadas, najis dan kekotoran. Perkara ini bertujuan untuk memenuhi salah satu syarat sah solat. Kebersihan juga turut ditekankan dalam al-Quran iaitu:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴾

Maksudnya: *“Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri”* (Surah Al- Baqarah: 222).

Terdapat tiga jenis najis yang telah dibincangkan dalam Islam iaitu najis mukhaffafah (ringan), najis mutawassitah (sederhana), dan najis mughallazah (berat). Setiap daripada jenis najis tersebut mempunyai cara tersendiri untuk membersihkannya. Namun, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada kaedah penyucian bagi najis mughallazah (berat). Najis mughallazah adalah najis yang terdiri daripada anjing dan babi serta keturunannya dan kaedah penyuciannya adalah dengan melaksanakan proses sertu.

Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2019) dalam karyanya yang berjudul *al-Mujtaba fi Sharh Safinah al-Naja* mendefinisikan sertu sebagai cara bersuci daripada najis mughallazah iaitu anjing dan babi dengan basuhan menggunakan air mutlak sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya dengan air tanah sama ada najis tersebut najis aini atau najis hukmi; sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat.

Pada masa kini peningkatan permintaan terhadap industri sertu semakin drastik. Perkara ini berlaku kerana perkembangan industri halal di peringkat domestik dan global secara tidak langsung memacu permintaan terhadap perkhidmatan sertu (Salleh et al., 2020). Perkara ini secara tidak langsung menimbulkan beberapa isu dan permasalahan bagi industri halal dalam melaksanakan proses sertu mengikut syarak. Justeru itu, kajian ini akan memfokuskan berkenaan isu sertu yang timbul dalam industri halal dan cadangan penyelesaiannya.

2.0 SERTU DALAM INDUSTRI HALAL

Sertu telah dinyatakan secara jelas hukumnya dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA berkaitan dengan keperluan mencuci bekas yang dijilat oleh anjing dengan tujuh kali basuhan dalam sahihnya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

طَهِّرُوا إِنَاءَ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَعَ فِيهِ الْكَلْبُ، أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَاهُنَّ بِالتُّرَابِ

Maksudnya: *“Apabila bekas salah seorang daripada kamu dijilat oleh anjing, maka untuk menyucikan hendaklah dibasuh tujuh kali, basuhan pertamanya dengan tanah”* (Hadis Muslim, Kitab al-Taharah, Bab Hukm Wulugh al-Kalb: No. 279).

Manakala, hukum tentang kenajisan babi pula adalah semua ulama mazhab telah bersepakat bahawa babi adalah najis secara mutlak (keseluruhan). Perkara ini telah dijelaskan dalam kitab *al-Majmu’ Sharh al-Muhadhdhab* oleh Abu Zakariyya Muhy alu Din Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi (2010) iaitu pada firman Allah SWT:

﴿إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi”* (Surah Al- Baqarah: 173).

Menurut Tafsir Al-Qurtubi, Allah SWT mengharamkan memakan daging babi, maka sebutan daging di sini telah mencakupi nama daging beserta dengan lemaknya kerana lemak termasuk kepada sebutan daging.

Justeru, apa-apa sahaja yang terkena najis mughallazah seperti anjing dan babi hendaklah disertu. Namun pada masa kini kaedah sertu tradisional tidak lagi sesuai untuk digunakan kerana terdapat beberapa isu yang timbul antaranya adalah menurut Mohd Mahyeddin et al., (2020) yang menumpukan kepada analisis isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan sertu industri di Malaysia. Hasil kajian dirumuskan dalam tujuh kategori isu iaitu isu pematuhan garis panduan dan fatwa, kefahaman dan pengetahuan, peralatan moden sertu, bahan sertu, penambahan kosmetik agama, pengurusan garis panduan, dan kepercayaan industri terhadap kompetensi Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dalam pelaksanaan sertu.

Selain itu, Mustafa 'Afifi et al., (2020) menumpukan kepada kajian kerangka perundangan sertu dalam industri halal di Malaysia. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu yang timbul antaranya adalah isu ketidakpatuhan operator sertu terhadap garis panduan dan fatwa sertu, tiada prosedur operasi yang seragam (*Standard Operating Procedure*) dalam pengurusan sertu oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) serta isu bidang kuasa antara negeri dalam pelaksanaan sertu. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti beberapa lagi isu lain yang diutarakan oleh wakil industri dan JAIN serta penambahbaikan kepada kaedah sertu industri di Malaysia.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif dipilih bagi kajian ini bertujuan untuk memudahkan maklumat dikumpul dan diperolehi. Ini kerana pendekatan bagi kajian ini lebih tertumpu kepada proses pengumpulan data menerusi analisis dokumen dan mendapatkan maklumat secara terus melalui kaedah temu bual. Ini bagi memastikan data yang dikumpul mencukupi dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Metode kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa sahaja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah Hamzah, 2010).

Pendekatan analisis dokumen digunakan dengan menganalisis artikel jurnal serta dokumen berkaitan. Seterusnya, temu bual semi-struktur digunakan bagi membolehkan soalan disusun semula semasa sesi temu bual dan soalan boleh

ditambah atau dikurang untuk mendapatkan maklumat berkenaan isu-isu yang timbul dalam industri halal di Malaysia (Chua Yan Piaw, 2014). Data-data yang diperoleh secara temu bual ini kemudiannya diterjemah secara verbatim.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian berkaitan isu dan cadangan penyelesaian dibincangkan seperti definisi sertu dan isu-isu sertu yang timbul dalam industri halal di Malaysia.

4.1 Definisi Sertu

Terdapat beberapa sumber yang menjadi rujukan bagi menjelaskan definisi sertu secara terperinci antaranya menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2019) mendefinisikan sertu sebagai cara bersuci daripada najis mughallazah iaitu anjing dan babi dengan basuhan menggunakan air mutlak sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya dengan air tanah sama ada najis tersebut najis aini atau najis hukmi; sama ada terkena pada pakaian, badan atau tempat.

Sertu menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) pula ialah menyucikan mana-mana bahagian badan yang terkena najis mughallazah (anjing dan babi) dengan air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali. Manakala maksud sertu menurut Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam (2013) ialah menyucikan sesuatu daripada najis mughallazah iaitu anjing, babi dan keturunannya. Najis mughallazah hendaklah disuci dengan membasuhnya menggunakan satu (1) kali dengan air bercampur tanah dan diikuti enam (6) kali dengan air bersih atau air mutlak.

Secara kesimpulannya, maksud sertu adalah proses menyucikan sesuatu yang terkena najis mughallazah (najis berat) iaitu anjing, babi dan keturunannya. Cara basuhannya adalah tempat yang terkena najis mughallazah perlu dibasuh dengan air sebanyak tujuh kali dan salah satu daripadanya menggunakan air tanah.

4.2 Isu-Isu Sertu yang Timbul dalam Industri Halal di Malaysia

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan isu yang timbul dalam industri halal di Malaysia berkaitan pelaksanaan proses sertu. Isu-isu ini telah dikenalpasti daripada temu bual yang dijalankan bersama responden kajian iaitu pegawai daripada Jabatan Agama Islam (Informan 1) serta dua orang dari wakil industri yang merupakan kontraktor sertu (Informan 2 dan Informan 3). Isu yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

i. Sertu tempat yang diragui terkena najis mughallazah

Permintaan terhadap sertu dalam kalangan individu dan industri semakin meningkat. Namun, terdapat permasalahan apabila kawasan yang ingin disertu tersebut diragui sama ada terkena najis mughallazah ataupun tidak. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 2:

“Kebanyakannya mereka ni yang beli contohnya membeli rumah second hand bila dia tanya kita ok berapa kos untuk sertu dan sebagainya selalunya kita akan tanya dulu kenapa you nak sertu? Ok aaa ok kebiasaannya mereka akan beritahu ooo ok sebelum ni rumah yang kita baru beli ni diduduki oleh non-Muslim ok sama ada cina ataupun india, tapi kalau yang cina ini memang kita nak sertu sebab kita was-was kita tak tahu apa yang ada dalam rumah tu, cuma ada pengalaman saya di mana owner rumah tu yang asal tu chaines tetapi dia ni very vege dia tak makan makanan yang berdarah and then, dia tak bela anjing, dan dah disahkan oleh owner aaa apa ni dia tak makan babi dan sebagainya, tetapi ada sesetengah daripada masyarakat kita ni was-was mereka ni terlalu melampau sangat itu sahaja, kalau kita cakap puan tak perlu sertu tapi mereka akan cakap tak pe lah puan, puan ajar jee saya macam mana nak sertu, saya sertu sendiri”.

Selain Informan 1 turut memaklumkan perkara yang sama iaitu terdapat permasalahan apabila pihak industri datang dan ingin melaksanakan sertu pada tempat yang dikuwatiri terkena najis mughallazah:

“...Buat masa kini untuk pandangan kami di JAIN, kita tidak meletakkan secara rigid, yang was-was pun kita akan buat, ataupun kita tak buat aaa dua-dua kita ambil kira dan kita akan melihat berdasarkan maknanya situasi kes itu secara spesifik”.

Jelaslah, di sini bahawa pihak industri dan Jabatan Agama Islam Negeri akan melaksanakan sertu bergantung kepada permintaan pelanggan dan keadaan tempat yang ingin disertu. Namun, sehingga kini masih belum ada garis panduan yang khusus dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa bagi keadaan atau situasi yang perlu dan tidak perlu disertu.

ii. Perbezaan pandangan antara negeri

Setiap negeri mempunyai pandangan yang berbeza dalam menetapkan kaedah sertu kepada pihak industri yang menyediakan perkhidmatan sertu. Isu ini telah berlaku kepada Informan 3:

“Adalah juga masalah-masalah teknikal lain yang saya pernah facelah, dia tengok negeri ada negeri-negeri yang contoh eh kalau saya nak sertu pinggan mangkuk yang banyak contohnya ada beribu pinggan mangkuk, saya ni nak bagi cepat kerja so kita kena buat special custom equipment lah. Contohnya, kita buat ada besen, kita susun tujuh besen, so besen kita tu dia punya saiz bila dah penuh ok air yang masuk dalam tu bila dia penuh dia takat boleh masuk dalam 120 L je. So ada negeri-negeri kaedahnya maknanya jadi kita ada besen tu ada tujuh, besen pertama tu air tanahlah, so bakinya ada enam lagi, so kaedahnya kita nak buat supaya kita dapat letak satu besen, satu orang, jadi kita buat macam kerja merewang rumah orang kampung la.

Air tu penuh, tetapi mengalir ada air masuk dan air keluar then maksudnya satu besen satu orang, dia cuma celup ke dalam air tu dan yang sebelah pun celup dan celup sampailah tujuh besen. Ada negeri-negeri jugak yang kata boleh celup tetapi besen tu mesti mau cukup dua kolah airnya. Saya pun dah jadi macam alah mak ai negeri yang ni okey pulak, negeri yang sebelah ni tak boleh pulak.”

Berdasarkan kenyataan di atas terdapat beberapa ketidakpastian yang timbul apabila berlakunya percanggahan pandangan daripada negeri-negeri dalam menetapkan sesuatu kaedah sertu. Oleh itu, penerangan secara jelas diperlukan bagi kaedah sertu dan penyelarasan kaedah tersebut dipersetujui oleh semua negeri agar tidak berlaku kekeliruan kepada pihak industri untuk melaksanakannya.

iii. Air tanah yang digunakan tidak ditukar

Terdapat isu di mana air tanah yang digunakan oleh pihak industri tidak ditukar, pihak syarikat menggunakan air tanah yang sama untuk proses sertu yang dijalankan sehingga air tersebut berubah sifatnya menjadi agak kotor dan berminyak kemudian baru ditukar kepada air tanah yang baru seperti kaedah celupan yang diamalkan oleh Informan 3:

“Ok, air tanah tu kita tak tukar, air tanah tu maknanya diletakkan dalam besen yang sama saiz iaitu 120 L juga, kita tak tukar maknanya kita dah masukkan penuh dalam tu pastu kita angkat satu-satu gi sebelah, gi sebelah, gi sebelah lepastu bila yang dah penuh tu dah habis ha ni ok ada beberapa bakul lagi kita terus masukan dalam tu kita tak tukar pun air tanah tu maknanya samalah...air tanah tu bila tak tukar-tukar pagi sampai petang yang tu je lama kelamaan bila dah ada beberapa batch yang baru masuk lama-lama colour air tu dia nampak macam ada minyak-minyak itu lah ini lah, itu kita ambil inisiatif untuk tukar lah, nampak macam tak best laa kan maka tukarlah dengan air tanah baru.”

Menurut keterangan di atas pihak syarikat yang menyediakan perkhidmatan sertu menggunakan anggaran dan jangkaan mereka sendiri untuk menukar air tanah tersebut setiap kali penggunaan.

iv. Mesin sensitif

Terdapat juga beberapa isu yang melibatkan mesin yang sensitif contohnya mesin yang pernah dikendalikan oleh Informan 3 iaitu:

“...mesin bila melibatkan aa bila melibatkan bahagian yang menggunakan gris gris laa gris, so mesin ni kalau tak ada gris dia tak bergerak tapi gris tu dah contaminate, jadi apa perlu kita buat pada mesin itu, kita perlu ada gris dia jugak kat situ, so dia jadi macam kalau

kita buang gris mesin tak boleh bergerak, tapi kaalu kita tak bersihkan gris tu mungkin dia tak jadi.”

Isu ini menjadi permasalahan apabila mesin tersebut menggunakan gris untuk berfungsi. Namun, gris tersebut telah tercemar dengan najis mughallazah dan sekiranya pihak syarikat industri ingin meleraikan dan membuka semua komponen dan bahagian mesin tersebut untuk membersihkan gris akan merosakkan bahagian mesin. Perkara ini turut disokong oleh Informan 3 berkaitan dengan mesin yang sensitif terhadap air contohnya, mesin-mesin yang diguna pakai dalam skim peranti perubatan dan farmaseutikal:

“...bila kita tengok dalam skim halal ada sembilan yang terbaru ni adalah medical device, so saya berpendapatlah dari segi pembacaan saya the most very though punya area, kalu nak sertu adalah medical device, sangat sensitive aaa kan ada dia punya equipment equipment dia punya saluran dia tu kita nak lakukan dengan tanah macam mana tu, bila klu lekat macam mana kan aaa.”

Sehingga kini masih belum terdapat jalan penyelesaian kepada beberapa permasalahan berkaitan mesin-mesin yang mempunyai peranti dan peralatan yang canggih dan sensitif terhadap air tanah.

v. Kadar aliran dan tekanan air bagi kaedah overflow

Keadah overflow adalah sejenis kaedah sertu yang digunakan untuk mempercepatkan proses sertu iaitu dengan menyediakan tujuh besen satu besen air tanah dan enam besen air mutlak, setiap besen dilengkapi dengan nozel air yang masuk dan keluar. Namun, kadar aliran dan tekanan air masuk dan keluar tidak selari. Justeru, isu ini telah dibangkitkan oleh Informan 1:

“Tadi pasal overflow yang En. Azri sebut tadi kan maknanya ada air masuk dan ada air keluar tadi kan aaaa ada dua keadaan yang mungkin boleh kita semak pertama sekali air masuk itu dalam situasi yang sama banyak dengan air keluar dengan situasi yang tak sama banyak dengan air keluar, contohnya keluar satu liter per minit masuk setengah liter per minit maknanya separuh daripada air keluar, atau masuk lebih dan keluar sedikit, tapi yang pasti walaupun ada overflow, ada yang masuk ada yang keluar dekat takungan tadi tu macam yang kita bincang tadi lah kita akan ada berkeladak sedikit, sometime dia akan ada perubahan sikit, so mungkin ada parameter yang boleh ditetapkan.”

Menetapkan parameter yang sepatutnya bagi aliran dan tekanan air masuk dan keluar adalah perlu bagi mengelak berlakunya keladak pada tangkungan air dalam besen yang boleh mengotorkan peralatan yang disertai.

vi. Penggunaan bahan tidak halal

Terdapat isu yang timbul apabila terdapat permintaan individu atau industri untuk menyertu kawasan yang didapati terdapat unsur penggunaan bahan tidak halal dan mengandungi najis mughallazah seperti pernyataan daripada Informan 3:

“Saya pernah ditanya oleh industrilah, kalau berus cat tu diperbuat daripada bulu babi, cat di dinding tu adakah perlu dikikis balik ke.”

Perkara ini turut disokong oleh Informan 2 kerana beliau turut berdepan dengan permasalahan yang sama:

“...dia pergi buat lawatan rumah baru siap ok then dia tak nampaklah apa-apa cuma dia nampak ada plastik berus cat memang kata tidak halal berus cat bulu babi aaa memang ada plastik tu memang ada dalam rumah tu, so dia kata kena sertu ke tidak, so saya pun masa tu macam aaa nanti kita refer baliklah.”

Justeru, isu ini perlu merujuk kepada fatwa yang telah dikeluarkan berkenaan isu berus cat yang berunsurkan bulu babi.

vii. Pengurusan bahan buangan yang terkena najis mughallazah

Polisi atau garis panduan berkaitan pengurusan bahan buangan yang terkena najis mughallazah perlu diwujudkan sepertimana isu yang terdapat dalam akhbar Harian Metro (2018) berkenaan kejadian seekor babi hutan memasuki ruangan solat jemaah lelaki di Masjid Sungai Pelong, Sungai Buloh. Isu ini menjadi hangat apabila pihak jawatankuasa masjid terpaksa menyertu keseluruhan bahagian karpet tersebut.

Berikutan isu tersebut pihak masjid telah menghubungi kontraktor sertu untuk melaksanakan proses sertu yang kemudiannya dibatalkan kerana telah mendapat sumbangan karpet daripada pihak tertentu. Perkara ini dijelaskan oleh Informan 3:

“...tu yang dekat sungai buluh tu, tengahhari tu mereka telephone saya balik aaa tak pe lah En. Azri dah ada orang derma dia kata 100 ribu oo. Wallahhu a'lam sebab saya pun tak tanya macam mana dia lupuskan, saya pun tak tahu lah, pasal lepas dia cakap minta maaf lah En. Azri tak payah datang lah ada orang derma dia kata.”

viii. Nisbah campuran tanah dan air

Nisbah campuran tanah dan air adalah penting bagi mengelakkan bakteria atau mikroorganisme yang terdapat pada najis anjing dan babi dapat dihilangkan sepenuhnya terutamanya apabila melibatkan skim makanan dan minuman dalam persijilan halal. Perkara ini telah dijelaskan oleh Informan 2:

“...concentration air tanah ni kena betul-betul cukup baru boleh membunuh bakteria itu tadi, sebab saya ada baca dalam ni adakah

memadai kalau satu botol air ni dengan sesudu tanah, memang betul ni air tanah kalau kita sertu dari sudut hukum sahlah sebab air tanah tapi bila kita kaji lebih balik dari sudut saintifik bakteria tu masih ada. Sebab tu kalau kita nak sertu mana-mana tanah kita guna pun boleh tapi kita kena tahu kadar kecairan itu tadi, contohnya kalau tanah yang kita gunakan sama dengan apa yang saya gunakan tapi concentration tanah saya dia kena lebih daripada 10% maksudnya 100 ml air aaa untuk untuk babi ok 10%, tapi kalau untuk untuk saliva air air liur anjing 12%.”

Perkara ini menjadi isu apabila penetapan peratusan tanah yang terlampau tinggi akan mengakibatkan kerosakan kepada mesin dan peralatan yang sensitif terhadap air tanah.

4.3 Solusi Penyelesaian

Hasil temu bual yang telah dijalankan bersama responden kajian mendapati terdapat beberapa cadangan penambahbaikan dan solusi bagi mengatasi isu-isu yang telah dinyatakan di atas bagi pelaksanaan proses sertu dalam industri halal di Malaysia:

i. Menambahbaik garis panduan sertu

Bagi mengelakkan kekeliruan berlaku antara pihak industri dan masyarakat umum berkaitan sertu tempat yang diragui terkena najis mughallazah. Oleh sebab itu, pihak berkuasa agama berwibawa perlu mewujudkan satu bahagian yang khusus dalam panduan sertu berkaitan keadaan yang diwajibkan untuk sertu sebelum menerangkan kaedah-kaedah sertu bagi peralatan yang diyakini terkena najis mughallazah.

Menambah satu bahagian khas di dalam buku “Garis Panduan Sertu Menurut Perspektif Islam” yang sedia ada dengan menerangkan secara terperinci maksud sebenar menurut fiqh tentang keadaan yang perlu dan tidak perlu disertu iaitu merangkumi keadaan yakin, syak, zhan dan waham. Perkara ini bertujuan untuk memberi pengetahuan umum kepada semua lapisan masyarakat tentang keadaan yang diwajibkan untuk proses sertu.

ii. Menyeragamkan pandangan antara negeri

Perbezaan pandangan antara negeri hendaklah diatasi secepat mungkin bagi mengelakkan kekeliruan kepada pihak industri yang menyediakan perkhidmatan sertu. Perkara ini juga turut memberi kesan kepada kos dan masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikan satu sesi proses sertu. Isu antara negeri ini juga turut dinyatakan dalam kajian Mohd Mahyeddin et al. (2020) iaitu berkaitan dengan kes di mana industri tidak merujuk kepada Jabatan Agama Islam dalam negeri yang sama, sebaliknya merentas sempadan dengan menghubungi Jabatan Agama Islam di negeri lain.

Jadi, keselarasan pandangan perlu dibuat antara pihak Jabatan Agama Islam Negeri bagi mengelakkan pertindihan pandangan berlaku dan menyelaraskan bidang kuasa antara Jabatan Agama Islam Negeri juga perlu bagi mengatasi isu ‘langkau

sempadan' dalam pelaksanaan sertu. Seterusnya, hendaklah mewujudkan kata sepakat yang jelas berdasarkan hukum fiqah antara negeri-negeri bagi isu dua kolah air sama ada dalam keadaan air itu mengalir dan tidak mengalir.

iii. Parameter berkenaan penggunaan air tanah dalam kaedah celupan

Pihak industri menggunakan pandangan sendiri dalam menentukan sama ada air tersebut perlu ditukar ataupun tidak berdasarkan kepada kekotoran yang wujud pada permukaan air tanah. Perkara ini merupakan satu keadaan yang tidak jelas dalam pengaplikasian yang sebenar bagi proses sertu. Hal ini turut menguntungkan pihak industri sekiranya mereka mengambil keputusan untuk tidak menukar air tersebut dalam tempoh yang lama bagi tujuan penjimatan kos.

Bukan itu sahaja, hal ini turut menimbulkan kesan negatif terhadap kesihatan kerana berkemungkinan kandungan bakteria yang hadir jika penggunaan air yang kotor dalam proses sertu. Oleh itu, parameter yang jelas diperlukan berkaitan dengan kekerapan penggunaan dan pertukaran air tanah bagi proses sertu.

iv. Kaedah sertu khas dalam industri

Terdapat banyak mesin yang sensitif sama ada berkaitan dengan pemasangan atau terhadap air dan tanah. Justeru, pelbagai kaedah sertu industri telah diwujudkan bagi membolehkan mesin dan peralatan yang sensitif ini dapat disertu sebaiknya. Kajian Mohd Mahyeddin et al. (2020) menyatakan bahawa mesin yang sensitif dengan air memerlukan kaedah yang sesuai seperti menyembur kawasan tercemar dengan menggunakan alat penyembur (spray).

Namun, terdapat beberapa keadaan lain yang boleh digunakan apabila kaedah sertu asas tidak dapat dilakukan. Justeru, kaedah sertu industri yang lain perlu diwujudkan bagi membolehkan semua peralatan dapat disertu dalam keadaan selamat dan tidak menimbulkan kerosakan. Bukan itu sahaja, kaedah sertu industri ini hendaklah dikaji dengan lebih terperinci dalam aspek hukum bagi memastikan selaras dengan kehendak syarak.

v. Penetapan kadar aliran dan tekanan air bagi kaedah *overflow*

Penetapan parameter yang sepatutnya bagi aliran dan tekanan air masuk dan keluar bagi mengelakkan berlakunya keladak pada takungan air dalam besen yang boleh mewujudkan kekotoran terhadap peralatan yang disertu. Sebagai contoh hendaklah mempunyai kadar air yang sama banyak iaitu satu liter air bagi aliran masuk dan satu liter air bagi aliran keluar untuk setiap 30 minit penggunaan. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan tahap kebersihan air bagi setiap besen.

Sepertimana yang telah diamalkan oleh syarikat Brahim SATS Food Services Sdn Bhd yang mempunyai kapasiti bahagian khas nozel semburan campuran air dengan tanah dan diikuti dengan enam nozel semburan air biasa (Harian Metro, 2019). Namun, masih belum ada kadar aliran dan tekanan air yang telah ditetapkan.

5.0 KESIMPULAN

Semua pihak hendaklah mengambil peranan dalam mengatasi isu ini terutama sekali pihak yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mewujudkan satu garis panduan yang lengkap yang boleh dilaksanakan oleh semua skim persijilan halal dan dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan sertu.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia khususnya dalam Geran Multidisiplin (MDR) vot Q716.

Penulis Bersama

Focus Group of Islamic Civilization and Culture (Ic2), Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia & Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn, 86400, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia.

Sumbangan Pengarang

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas kerja adalah seperti berikut; Wan Zahari, W. A. M., terlibat dengan konsep dan reka bentuk kajian dan penyediaan draf manuskrip. Mohd Yusof, U. A., Omar Jalil, N. A. & Husin, M. A., terlibat dalam pengumpulan data analisis dan tafsiran keputusan. Semua pengarang menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Penolakan Tuntutan

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

RUJUKAN

- Abu Zakariyya Muhy alu Din Yahya Ibn Sharaf al-Nawawi. (2010). *al-Majmu` Sharh al-Muhadhdhab*. Maktabat Al'irshad.
- Al-Qurtubi. (2006). *Aljamie Li'ahkam Alquran (Tafsir Alqurtubi)*. Turki: Muasasat Alrisalah.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 6(1), 8.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). Pusat Rujukan Persukatan Melayu (PRPM) <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sertu>

- Ismail, F. B. H., Mustapha, A. S. B., Masruri, M., Ahmad, S. B., Safrina, K., & Nirwana, A. (2022). Islamic Preparation for the Pandemic of Deadly Diseases: Preparing for the Next Pandemic. *Academic Journal of Education and Social Sciences*, 10(3), 38-53
- Halim, M. A. A., Abd Aziz, S., Salleh, M. M. M., & Said, H. N. A. M. (2020). Kerangka Perundangan Sertu Dalam Industri Halal Di Malaysia. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 554-565
- Mahmud, N. H. (2019). *Sertu Pinggan Mangkuk Pesawat*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/05/457267/sertu-pinggan-mangkuk-pesawat>
- Muslim Bin Al-Hajjaj. (T.Th). *Almusnad Alsahih Almukhtasar Binaql Aleadl Ean Aleadl 'Tilaa Rasul Allah Salaa Allah Ealayh Wasalam*. Beirut: Dar 'Iihya' Alturath Alearabii.
- Salleh, M. M. M., Halim, M. A. A., Abd Aziz, S., & Said, H. N. A. M. (2020). Analisis Isu-Isu Dalam Perlaksanaan Sertu Industri. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 155-166
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2019). *al-Mujtaba fi Sharh Safinah al-Naja*. Selangor: Karang Kraf.